

Ek

ECONEWS

KERETA BUATAN MALAYSIA SEPENUHNYA DALAM 10 KE 15 TAHUN, KATA PM

RAWANG, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia mungkin mengambil masa 10 hingga 15 tahun untuk membina kereta buatan negara sepenuhnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kilang pengeluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di sini hari ini, beliau berkata Malaysia lebih cepat mempelajari ilmu pembinaan kereta.

"Mungkin kita akan mengambil masa antara 10 dan 15 tahun untuk benar-benar mempelajari teknologi pembinaan enjin dan transmisi.

"Kebanyakan negara mengambil masa 50 ke 60 tahun untuk belajar membina kereta mereka sendiri tetapi Malaysia lebih cepat," katanya.

Dr Mahathir berkata Perodua, pembuat kereta nasional kedua selepas Proton, perlu mempelajari semua peringkat pembinaan kereta, bermula dengan reka bentuk sehinggalah keseluruhan pengeluaran.

Beliau berkata Malaysia perlu menghala ke arah pasaran eksport memandangkan permintaan tempatan yang kecil.

"Banyak negara yang mengeluarkan kereta bagi pasaran tempatan juga perlu meninjau pasaran eksport sekitar 40 peratus.

"Bagi Malaysia, lebih baik jika ciri-ciri eksport lebih diutamakan dari pasaran domestik," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Kancil, kereta berkuasa 660-cc keluaran Perodua, akan dieksport secepat mungkin.

Baqaimanapun, katanya mungkin tidak mudah bagi Kancil menembusi pasaran seperti di Eropah kerana kapasiti enjinnya yang kecil dan standard yang tinggi berhubung pengeluaran asap di Eropah.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Perodua tidak seharusnya mendapatkan teknologi daripada satu punca sahaja.

"Pemindahan teknologi hanya boleh dicapai dan nyata bermakna bila Malaysia berupaya mereka bentuk dan mengeluarkan kereta buatannya sendiri," kata beliau.

Perdana Menteri berkata peningkatan penggunaan kandungan tempatan akan meningkatkan kepakaran kejuruteraan kereta Malaysia dan memastikan wang tidak mengalir keluar dari negara.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih jauh daripada mencapai objektif mereka bentuk, membangun dan mengeluarkan kereta bagi pasaran tempatan dan eksport.

"Walaupun kita berupaya mengeluarkan komponen-komponen kereta, kita masih lagi berada di peringkat awal dalam reka bentuk dan pembinaan kereta," katanya.

-- Bernama